



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

---

#### PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN OPS BERSEPADU HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2023/ 1444H, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, telah melancarkan **Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Ops Bersepadu Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kebangsaan Tahun 2023** bermula pada **18 hingga 27 April 2023** sebagai usaha berterusan Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya di musim perayaan.

Menyedari kepada senario kes kemalangan jalan raya dengan purata 17 kematian saban hari yang telah direkodkan, JPJ mengambil serius isu tersebut dan perlu ditangani khususnya di musim perayaan. Kearah itu, pelaksanaan kedua-dua program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap **pematuhan peraturan-peraturan jalan raya**, dan juga **pembudayaan keselamatan jalan raya**, seterusnya **mengurangkan statistik kemalangan jalan raya**, khasnya di musim perayaan utama di negara ini.

Mengekalkan tema yang sama iaitu “**Pandu Cermat, Sampai Selamat**”, kempen pada kali menggunakan pendekatan yang berbeza iaitu memfokuskan kepada **kawasan berisiko kemalangan** atau ***prone accident area*** di tapak Pasar Ramadan Taman Prima Saujana Kajang, Selangor. Pemilihan lokasi ini kerana daerah tersebut mempunyai kadar kemalangan tertinggi di Negeri Selangor.

Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Ops Bersepadu pada kali ini berpaksikan kepada empat (4) teras utama iaitu; **Pendidikan dan Advokasi, Penguatkuasaan, Pencegahan dan Pemantauan serta Penilaian** dengan kerjasama daripada pelbagai kementerian/ agensi berkaitan dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan serta pihak swasta antaranya Kementerian Kerja Raya (KKR), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sejajar dengan teras tersebut, maka dalam konteks JPJ / MOT, **seramai 2,000 orang** anggota penguatkuasa JPJ digerakkan secara langsung dalam **Ops Hari Raya Aidilfitri** pada tahun ini. Pendekatan penguatkuasaan JPJ juga dilaksanakan melalui strategi *covert* dan *overt* termasuk **penggunaan dron** di lokasi tertentu bagi memantau dan merakam etika pemanduan yang tidak selamat serta pelanggaran peraturan-peraturan kesalahan jalan raya. Antara penguatkuasaan lain yang dilaksanakan oleh pihak JPJ adalah **penyamaran** sebagai penumpang bas ekspres, **pemantauan** dan **penguatkuasaan** di Koridor Penguatkuasaan (jajaran *hotspot* kemalangan), pelaksanaan ***Perception of Being Caught (POBC)*** dan **Ops Khas Motosikal**.

Sayugia dimaklumkan, JPJ telah mengadakan **Pra Ops Hari Raya**, bermula **14 hingga 17 April 2023**, yang melibatkan pemeriksaan bas di **76 buah depoh** dan **28 terminal** bas utama di seluruh negara bagi tujuan memastikan bas sentiasa berada dalam keadaan *road worthiness* serta pemeriksaan mengejut di Stesen Penguatkuasa (SPK), Hentian Rehat dan Rawat (R&R) serta Hentian Sebelah di lebuh raya seluruh negara.

JPJ turut menguatkuasakan **tujuh (7) kesalahan utama** yang tidak dibenarkan kompaun sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Ops Bersepadu Hari Raya Aidilfitri Tahun 2023 iaitu;

- I. **Memotong barisan;**
- II. **Memotong di garisan berkembar;**
- III. **Tidak mematuhi isyarat lampu merah;**
- IV. **Memandu melebihi had laju;**
- V. **Penggunaan telefon bimbit semasa memandu;**
- VI. **Tidak memakai tali pinggang atau topi keledar; dan**
- VII. **Memandu di lorong kecemasan.**

Seperti setiap tahun, **Perintah Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan** juga akan dilaksanakan mulai dua (2) hari sebelum dan dua (2) hari selepas perayaan, iaitu pada **20 April** hingga **21 April 2023 (sebelum)**, serta **24 dan 25 April 2023 (selepas)**. Larangan ini semata-mata bertujuan untuk mengelakkan risiko berlakunya nahas di jalan raya akibat percampuran aliran trafik di antara kenderaan berat dengan kenderaan ringan selain **mengelakkan kesesakan lalu lintas**.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi keutamaan kepada pengguna jalan raya supaya memastikan kenderaan masing-masing telah **diselenggara** dengan baik dan selamat digunakan sebelum memulakan perjalanan. Adalah penting untuk **merancang perjalanan** supaya perjalanan ke destinasi lebih lancar, **mematuhi peraturan-peraturan** dan **berhemah** ketika menggunakan jalan raya. Para pengguna jalan raya juga dinasihati agar mempunyai **rehat yang cukup** dan berhenti di tempat yang selamat atau kawasan Rehat dan Rawat (R&R) jika kelihatan.

Selaras dengan semangat **Malaysia MADANI**, para pengguna jalan raya juga haruslah mempunyai **sikap sentiasa bertoleransi** bersama pengguna jalan raya yang lain dan **bersabar** ketika mengalami **kesesakan jalan raya** demi memastikan keselamatan bersama seterusnya dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Tambahan lagi, kempen dan ops ini turut menumpukan kepada **penunggang motosikal** kerana mereka merupakan pengguna jalan raya yang berisiko dan terlibat dalam kes kemalangan dengan angka yang tertinggi. Justeru, pengguna motosikal dinasihati agar menggunakan **perkhidmatan pengangkutan awam** ketika pulang ke kampung halaman atau menuju ke mana-mana destinasi semasa musim perayaan ini. Oleh itu, Kementerian ini juga menyeru kepada **syarikat** atau **penyedia perkhidmatan pengangkutan awam** untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat supaya mereka selamat tiba ke destinasi yang tuju.

Menerusi pelancaran Kempen Keselamatan ini, jelaslah bahawa pihak Kerajaan, amnya dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT/JPJ), khasnya, amat serius dalam mencapai sasaran **pengurangan jumlah**

**kematian** dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya **sekurang-kurangnya 50%** mengelang **tahun 2030**, berdasarkan **Resolusi Persidangan 74/299 (31 Ogos 2020) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**.

Pengguna jalan raya juga diharapkan dapat menjadi sebahagian daripada anggota penguatkuasa dengan melaporkan kesalahan lalu lintas secara **pelaporan secara terus** atau **real time** sepanjang tempoh Ops Bersepadu dan menyalurkan aduan menggunakan **Aplikasi MyJPJ** melalui \_\_\_\_\_ menu **e-Aduan@jppj** atau melalui **aduan email JPJ** [aduantrafik@jppj.gov.my](mailto:aduantrafik@jppj.gov.my) .

**DATUK HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH**  
**TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**18 APRIL 2023**

**[ TAMAT ]**